

MELAKSANAKAN
11/2/2021 MIS 12



PENGISYTIHARAN darurat dibuat berikutan ancaman kesihatan ekoran wabak Covid-19.

TENTERA boleh mengambil alih hal berkaitan keselamatan sekiranya keadaan memerlukan.

TIGA SYARAT **DARURAT**

Agong ambil kira aspek keselamatan negara, kehidupan ekonomi, ketenteraman awam

Kuala Lumpur

Tiga pertimbangan Yang di-Pertuan Agong (YDPA) untuk Pengisytiharan Proklamasi Darurat berikutan berlaku ancaman ke atas keselamatan negara, kehidupan ekonomi dan ketenteraman awam.

Pakar Perlembagaan, Prof Madya Dr Shamrahayu Ab Aziz berkata, apabila pengisytiharan darurat diperkenan YDPA, Perlembagaan akan digantung dan pentadbiran negara ditentukan pihak eksekutif.

"Tentera juga boleh mengambil alih hal berkaitan keselamatan sekiranya keadaan memerlukan, lebih-lebih lagi apabila darurat diisytiharkan kerana berlakunya ancaman kepada keselamatan negara.

"Bagaimanapun, tidak disebut sama ada darurat kali ini membabitkan politik

atau kesihatan, tetapi mengikut Perkara 150(1) Perlembagaan Persekutuan apabila berlaku ancaman serius antara salah satu tiga asas berkenaan, maka YDPA boleh mengisytiharkan darurat," katanya kepada Metro Ahad.

Menurutnya, alasan di sebalik pengisytiharan darurat berikutan ancaman penyebaran Covid-19 dan banjir seperti disebut dalam titah diraja baginda.

"Darurat bermaksud suatu keadaan berkaitan keselamatan, ekonomi dan ketenteraman awam yang tidak dapat dikawal melalui sistem pentadbiran biasa.

"Pengisytiharan darurat adalah suatu pemasyhuran yang dibuat oleh YDPA melalui suatu pewartaan iaitu keadaan itu telah wujud atau hampir berlaku," katanya.

Menurutnya, syarat yang diperlukan ialah sudah dibuktikan elemen yang dinyatakan iaitu ancaman atau darurat atas keselamatan, kehidupan ekonomi atau ketenteraman



Saya percaya darurat diisytiharkan baginda berikutan ancaman kesihatan yang termasuk dalam ketenteraman awam iaitu pandemik Covid-19"

Dr Shamrahayu



awam telah atau hampir benar berlaku.

"Dan saya percaya darurat diisytiharkan baginda berikutan ancaman kesihatan yang termasuk dalam ketenteraman awam iaitu pandemik Covid-19," katanya.

Selain itu, Dr Shamrahayu menjelaskan, darurat kali ini dilakukan tanpa pembubaran Parlimen yang seterusnya tidak membubarkan kerajaan.

"Kerajaan hanya akan terbubar sekiranya Parlimen dibubarkan.

"Kerajaan masih lagi dapat berfungsi namun ia tidak lagi mempunyai hak untuk menasihati YDPA dalam hal membuat ordinan bagi tujuan darurat dan ini bergantung kepada kuasa budi bicara baginda," katanya.

Katanya, mengenai tempoh masa darurat, Perlembagaan Persekutuan juga tidak menetapkan tempoh tertentu untuk tujuan darurat kerana sesuatu yang diputuskan pastinya mengikut

keperluan dan berasaskan kepada tuntutan keadaan.

"Proklamasi darurat yang dibuat hendaklah dibentangkan kepada Parlimen apabila bersidang kelak dan ia juga boleh dirungkaikan, maksudnya ditamatkan Parlimen melalui suatu ketetapan.

"Begitu juga dengan ordinan dibuat bagi tujuan darurat. Kedua-duanya hendaklah dibentangkan kepada Parlimen. Hal ini disebut pada Fasal 150(2C).

"Bagaimanapun, proklamasi darurat tidak boleh dipanjangkan melangkaui tarikh 1 Ogos 2021 sekiranya ia diwartakan sehingga 1 Ogos saja. Sekiranya perlu, satu pengisytiharan darurat yang lain perlu dilakukan," katanya.

Menurutnya, darurat bukan untuk pihak berkuasa menyalahguna kuasa, tetapi adalah untuk menstabilkan keadaan dan memberi manfaat untuk Malaysia.



26 SEPTEMBER 1948



PASUKAN keselamatan memasuki hutan untuk memburu pengganas ketika pemberontakan Parti Komunis Malaya (PKM) yang bermula pada 1948 sehingga 1960.

26 DISEMBER 1964



PASUKAN keselamatan memburu penceroboh dalam fasa konfrontasi dengan Indonesia di Sungai Buntu, Pontian, Johor.

Ini darurat kali kelapan

Kuala Lumpur:

Pengisytiharan Proklamasi Darurat selama lapan bulan untuk membendung Covid-19 bukan yang pertama pernah dilaksanakan sebaliknya yang kelapan diisytiharkan dalam sejarah negara.

Bagaimanapun, pengisytiharan darurat bagi menangani jerebu pada 1997, 2005 dan 2013 bukan tertakluk di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan, tetapi Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Darurat bencana berbeza dengan Darurat keselamatan yang hanya boleh diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong (YDPA) mengikut peruntukan dalam Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan.

Darurat bencana pula boleh dibuat secara pentadbiran dan eksekutif mengikut Perkara 25 Arahan No 20 Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara MKN.

Perdana Menteri sebagai ketua kerajaan, boleh membuat pengumuman darurat bencana selepas menerima nasihat MKN.

Kali pertama Tanah Melayu diisytiharkan darurat mengikut Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan pada 1948 hingga 1960 oleh British di Malaya (Semenanjung Malaysia) bagi menangani pemberontakan Parti Komunis Malaya (PKM).

Darurat Tanah Melayu 1948-1960 adalah satu titik hitam dalam sejarah Semenanjung Tanah Melayu kerana berlakunya peperangan terbuka antara

pihak kerajaan dengan PKM membabitkan semua lapisan rakyat Tanah Melayu.

Dalam tempoh 12 tahun itu, kerajaan Tanah Melayu mengatur pelbagai strategi dan langkah untuk menghapuskan pemberontakan bersenjata oleh komunis.

Darurat kedua membabitkan peristiwa Konfrontasi Indonesia-Malaysia (1964) iaitu konflik yang berlaku akibat penentangan Indonesia terhadap pembentukan Malaysia.

Perdana Menteri Malaysia pertama Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj mengisytiharkan darurat apabila tentera Indonesia menceroboh masuk ke sempadan Malaysia.

Kerajaan juga pernah mengisytiharkan proklamasi darurat di Sarawak pada 14 September 1966 susulan krisis politik membabitkan Kerajaan Persekutuan dan Ketua Menteri Sarawak pertama Tan Sri Stephen Kalong Ningkan.

Seramai 21 Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) menulis memorandum kepada Gabenor Sarawak menyatakan mereka hilang keyakinan terhadap kepimpinan Ketua Menteri sebelum gabenor ketika itu mengarahkan Stephen meletak jawatan daripada kedudukan, bagaimanapun Stephen menolak untuk meletakkan jawatan.

Titik hitam dalam sejarah negara yang paling diingat rakyat Malaysia adalah peristiwa berdarah rusuhan kaum pada 13 Mei 1969.

Insiden rusuhan kaum

berlaku kemuncak masalah perpaduan susulan pilihan raya umum Malaysia pada tahun itu menyebabkan Parlimen digantung dan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) ditubuhkan untuk mengembalikan keamanan dan kestabilan dalam negara.

Insiden itu menyebabkan banyak kematian, malah tentera dikerah mengambil alih kawalan.

Rusuhan dapat dikawal dengan menggunakan gas pemedih mata dan perintah berkurung 24 jam diumumkan radio dan televisyen.

Selain itu, Darurat Kelantan 1977 diisytihar Yang di-Pertuan Agong Sultan Yahya Petra yang juga Sultan Kelantan ketika itu pada 8 November 1977.

Pengisytiharan itu dibuat susulan krisis politik membabitkan Menteri Besar Kelantan Datuk Muhammad Nasir.

Keadaan darurat itu diisytiharkan atas permintaan Kerajaan Pusat berikutan kebuntuan politik dan berlakunya rusuhan ganas di Kelantan.

Dua darurat terbaru pada 2020 iaitu Parlimen Batu Sapi, Parlimen Gerik dan Dewan Undangan Negeri (Dun) Bugaya diisytiharkan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Pengisytiharan itu sekali gus membatalkan pilihan raya kecil (PRK) bagi mengekang dan menghalang berlakunya gelombang keempat penularan pandemik Covid-19.

METRO 4140 (12/01/2021)

7 MAC 1966



ANGGOTA pasukan polis Sarawak yang cedera diberikan bantuan segera semasa pertempuran dengan pengganas Indonesia di Kuching, Sarawak.

13 MEI 1969



KENDERAAN yang terbakar akibat rusuhan kaum di Jalan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur dibawa dengan lori.